

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan rancang galak pasang sistem solar di hospital

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang merancang usaha bagi menggalakkan pemasangan dan penggunaan sistem solar di hospital kerajaan menerusi kerjasama dengan pihak swasta dalam menyokong usaha peralihan tenaga di peringkat organisasi berteraskan perkhidmatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata rancangan itu sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Perubahan Tenaga Negara (NETR), melibatkan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan (KKM) selain mengambil kira peruntukan kewangan.

"Apa yang kita rencanakan untuk mereka bekerja dengan pihak swasta sebagai *service provider* dengan pihak swasta yang akan pasang (sistem solar).

"Tapi nanti akan ada *profit sharing* dari segi penjimatan tenaga, selain manfaat dalam carbon trading," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan sistem penjanaan tenaga solar dengan kapasiti 420 kilowatt bagi fasiliti di bawah IHH Healthcare Malaysia di Pusat Perubatan Prince Court di sini, semalam.

Terdahulu dalam ucapannya, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata 88 peratus daripada kuota 1,100 megawatt (MW) Program Pemateran Tenaga Bersih (NEM) bagi pemasangan solar di bumbung bangunan untuk pengguna komersial dan industri berjaya diagihkan kepada pelbagai pihak setakat ini.

Beliau berkata, tumpuan peralihan tenaga ketika ini akan diberikan kepada usaha memanfaatkan potensi sumber tenaga boleh diperbaharui tersedia yang dimiliki negara ini seperti daripada sumber solar, biojisim, biogas dan hidroelektrik.

"Antara sumber tenaga boleh diperbaharui yang berpotensi, mudah dibangunkan dengan kos yang optimum dan pada berskala utiliti dengan memanfaatkan sumber solar di bumbung premis dan bangunan," katanya.

Beliau turut memuji usaha IHH Healthcare Malaysia yang memanfaatkan ruang bumbung di semua 16 buah hospital di bawah kumpulan syarikatnya di seluruh Malaysia untuk pemasangan sistem solar.

"Inisiatif IHH Healthcare satu pencapaian penting ke arah komitmen Malaysia terhadap kemampanan dan tenaga boleh diperbaharui sejajar matlamat negara mencapai pelepasan gas rumah hijau *net-zero* menjelang 2050," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DUNIA

BH Selasa, 30 April 2024

Dunia

31

AstraZeneca mengaku vaksin COVID-19 ada kesan sampingan

Gergasi farmaseutikal hadapi saman dakwaan sebabkan kematian

London: Firma Farmaseutikal AstraZeneca (AZ) buat kali pertama mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin COVID-19 mereka boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Pengakuan itu secara langsung boleh membuka jalan untuk pampasan undang-undang bernilai jutaan pound dengan 51

kes dikemukakan di Mahkamah Tinggi setakat ini, menuntut ganti rugi dianggarkan bernilai sehingga £100 juta (RM512 juta).

The Telegraph melaporkan, Gergasi farmaseutikal itu menghadapi saman atas dakwaan vaksin yang dibangunkan mereka bersama Universiti Oxford boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Peguam berhujah bahawa vaksin itu menghasilkan kesan sampingan yang memberi kesan buruk kepada sebilangan kecil individu.

Kes pertama tahun lalu difailkan oleh Jamie Scott, bapa kepada dua anak yang mengalami kecederaan otak kekal selepas dirinya mengalami pembekuan darah dan pendarahan di otak yang menghalangnya daripada bekerja, selepas disuntik vaksin

itu pada April 2021.

Tahapnya amat kritikan sehingga pihak hospital menghubungi isterinya tiga kali secara beringan untuk memberitahu lelaki itu akan meninggal dunia.

Kemuka dokumen di mahkamah

AZ membantah tuntutan itu, tetapi dalam dokumen undang-undang yang dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi pada Februari lalu, ia membuat beberapa pengakuan.

Antaranya, ia menyatakan vaksin COVID-19 buatannya 'boleh dalam kes yang sangat jarang berlaku, menyebabkan TTS atau 'Thrombosis with Thrombocytopenia Syndrome' iaitu pembekuan darah dan kiraan platelet darah menjadi rendah.

Pengakuan AZ itu - dibuat dalam pembelaan undang-undang

terhadap tuntutan Mahkamah Tinggi oleh Scott - selepas perbualan undang-undang yang sengit.

Ia boleh menyebabkan pemberian pampasan jika firma terbabit mengakui vaksin itu menyebabkan penyakit serius dan kematian dalam kes tertentu, malah kerajaan juga berjanji untuk membiayai kos tindakan perundangan terhadap AZ.

Dalam surat jawapan yang dihantar pada Mei 2023, AZ memberitahu peguam Scott: "Kami tidak menerima bahawa TTS disebabkan oleh vaksin pada peringkat generik".


Namun, dalam dokumen undang-undang yang dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi pada

Februari lalu, AZ berkata: "Mengakui bahawa vaksin AZ boleh, dalam kes yang sangat jarang berlaku, menyebabkan TTS. Mekanisme penyebab tidak diketahui."

"TTS juga boleh berlaku jika tiada vaksin AZ (atau mana-mana vaksin). Penyebab dalam mana-mana kes individu hanya boleh ditentukan melalui pembuktian pakar," katanya.

Saintis mula mengaitkan antara vaksin dan penyakit baru dikenali sebagai *immune thrombocytopenia and thrombosis (VITT)* berpunca daripada pengambilan vaksin seawal Mac 2021, sejurus selepas vaksin COVID-19 mula diedarkan.

AGENSI



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA



TERTUDUH (kiri) dibawa keluar dari mahkamah selepas dijatuhkan hukuman denda RM3,000 di Mahkamah Sesyen Kuantan semalam.

Penolong pegawai perubatan didenda RM3,000 terima rasuah urus jenazah

KUANTAN – Tindakan seorang penolong pegawai perubatan yang menerima rasuah sebanyak RM1,600 bagi kerja-kerja pengurusan jenazah sejak tiga tahun lalu berbalas apabila dia didenda RM3,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Mohd. Sabri Ismail menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Moh Roffi Ab. Rahman, 58, selepas tertuduh menukar pengakuan kepada bersalah atas tiga pertuduhan yang disabitkan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani huku-

man penjara 18 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rifah Izzati Abdul Mutalif, manakala tertuduh diwakili peguam Shahidah Muslimah Roslan.

Tertuduh sebelum ini didakwa atas 12 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM3,350 yang mana ketika prosiding, tertuduh membuat pengakuan salah atas pertuduhan pertama, kedua dan keempat yang dibacakan terlebih

dahulu oleh jurubahasa.

Mengikut ketiga-tiga pertuduhan, tertuduh yang bertugas di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas), Temerloh didakwa menerima suapan wang tunai masing-masing RM800, RM300 dan RM500 daripada dua individu berkaitan kerja-kerja pengurusan jenazah.

Kesalahan tersebut dilakukan di Maybank Islamic Berhad Cawangan Bandar Pusat Jengka, Maran, antara 8 April 2021 hingga 27 Jun 2021.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan rancang galak pasang sistem solar di hospital kerajaan - Fadillah

KUALA LUMPUR - Kerajaan sedang merancang usaha bagi menggalakkan pemasangan dan penggunaan sistem solar di hospital kerajaan menerusi kerjasama dengan pihak swasta dalam menyokong usaha peralihan tenaga di peringkat organisasi berteraskan perkhidmatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, rancangan yang merupakan sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Perubahan Tenaga Negara (NETR) itu akan melibatkan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain mengambil kira peruntukan kewangan sedia ada.

"Apa yang kita rancanakan (adalah) untuk mereka bekerja dengan pihak swasta sebagai *service provider* dengan pihak swasta yang akan pasang (sistem solar), tapi nanti akan ada *profit sharing* dari segi penjimatan tenaga selain manfaat dalam *carbon trading*," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sistem penjaan tenaga solar dengan kapasiti 420 kilowatt bagi fasiliti di bawah IHH



Fadillah (tengah) melancarkan sistem penjaan tenaga solar pertama bagi fasiliti hospital di Pusat Perubatan Prince Court pada Isnin.

Healthcare Malaysia di Pusat Perubatan Prince Court di sini pada Isnin.

Terdahulu, dalam ucapannya, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, sebanyak 88 peratus daripada kuota 1,100 megawatt (MW) Program Pemateran Tenaga Bersih (NEM) bagi pemasangan solar di bumbung bangunan untuk pengguna komersial dan industri berjaya diagihkan kepada pelbagai pihak setakat ini.

Beliau berkata, tumpuan per-

alihan tenaga ketika ini akan diberikan kepada usaha memanfaatkan potensi sumber tenaga boleh diperbaharui tersedia yang dimiliki negara ini seperti daripada sumber solar, biojisim, biogas dan hidro-elektrik.

"Antara sumber tenaga boleh diperbaharui yang berpotensi, mudah dibangunkan dengan kos yang optimum dan pada berskala utiliti adalah dengan memanfaatkan sumber solar di bumbung premis dan bangunan," katanya.

- Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

Govt to push public hospitals to use solar energy

KUALA LUMPUR: The government is planning some initiatives to encourage the installation and utilisation of solar energy systems in government hospitals, says Datuk Seri Fadillah Yusof.

The Deputy Prime Minister said the move would be carried out through collaboration with the private sector to support energy transition efforts at the organisational level based on service-oriented approaches.

"This is part of the National Energy Transition Roadmap and will involve discussions with the Health Ministry, besides taking into account existing financial allocations.

"What we plan is for them to work with the private sector as a service provider, where they will handle the installation.

"There will be profit-sharing in terms of energy savings besides benefits in carbon trading," he told reporters after launching the solar power generation system with a capacity of 420 kilowatts for facilities under IHH Healthcare Malaysia at the Prince Court Medical Centre yesterday, Bernama reported.

Earlier in his speech, Fadillah, who is also Energy Transition and Water Transformation Minister, said so far, 88% of the quota of 1,100 megawatts of the Net Energy Metering programme for solar panel installation on building rooftops for commercial and industrial users has been successfully allocated to various parties.

He said the current focus of energy transition will be on efforts to harness the potential of renewable energy sources in the country such as solar, biomass, biogas and hydroelectric power.

"Among the renewable energy sources with potential ... is utilising solar resources," he said.

Fadillah also praised the efforts of IHH Healthcare, which utilised rooftop spaces at all 16 hospitals under the group for solar panel installation.

"IHH Healthcare's initiative is a significant achievement towards Malaysia's commitment to sustainability and renewable energy, in line with the country's goal of achieving net-zero greenhouse gas emissions by 2050," he said.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Private-public collaboration to boost number of specialists

Higher Education Ministry aim to produce 28,000 medical professionals by 2030 within reach, thanks to pact between Sunway University and Universiti Kebangsaan Malaysia: Minister

Report on page 5



The Consumers Association of Penang has suggested the government revoke 24-hour operating licences granted to eateries to fight obesity in the country. — AMIRUL SYAFIQ/THE SUN

More discussion needed on call to revoke 24-hour licences for eateries

Health minister says suggestion needs to be tweaked and all stakeholders should be engaged to ensure thorough understanding of issue.

Report on page 4

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

TUESDAY | APR 30, 2024

NATIONAL

3

Solar initiatives for public hospitals

KUALA LUMPUR: The government is planning initiatives to encourage the installation and utilisation of solar energy systems at government hospitals. The initiatives are through collaboration with the private sector to support energy transition efforts at the organisational level based on service-oriented approaches.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said the initiative, which is part of the National Energy Transition Roadmap, will involve discussions with the Health Ministry, besides taking into account existing financial allocations.

"What we plan is for them to work with the private sector as a service provider, where they (the private sector) will handle the installation. There will also be profit-sharing in terms of energy savings, besides benefits in carbon trading," he said after launching a solar power generation system at the Prince Court Medical Centre yesterday. — Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

More discussion needed on call to restrict 24-hour eateries

■ BY QIRANA NABILLA
MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The recent call by the Consumers Association of Penang (CAP) to revoke the 24-hour operating licences granted to eateries in a bid to reduce obesity in the country has sparked debate on social media.

While the call was acknowledged by the Health Ministry, its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the suggestion needed to be fine-tuned.

"Stakeholders should be engaged to ensure a thorough understanding of the issue and a clear and effective solution," he said, adding that a proposal would be prepared and reviewed by the ministry and government for further action.

On April 22, CAP president Mohideen Abdul Kader said limiting the intake of late-night meals would be healthier for Malaysians, who are ranked as "the most obese adults in Southeast Asia".

"Even though shortening the operating hours for eateries would not completely solve the obesity issue in Malaysia, it would help reduce late-night eating among Malaysians,"

➤ Stakeholders must be engaged to ensure thorough understanding of issue, says minister

he said.

However, Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali Taib Khan said restricting the operating hours of eateries will not reduce obesity or other health problems.

"Today, restaurants have become a place to socialise after work due to their conducive atmosphere and easy accessibility.

"Presma believes that calls to restrict our operating hours need to be carefully scrutinised from the perspectives of health, social dynamics and the cultural fabric of Malaysian society."

Jawahar stressed that contrary to blaming 24-hour restaurants for obesity, following healthy lifestyle habits will substantially contribute to healthier outcomes.

"While eating late at night may not be very healthy, it is important to realise that personal lifestyle choices, dietary habits and the level of physical

activity also impact one's health.

"Any measure or policy to improve public health should address a range of factors beyond just the availability of late-night dining options."

Jawahar said before considering restricting restaurant operating hours, the ministry should consider the specific needs, locations and lifestyles of the community.

"This will ensure that the move meets the requirements of all stakeholders because different regions, urban and rural areas, and demographic groups may have varying needs and preferences.

"Any decision related to operating hours should take into account these differences to ensure they effectively serve the interests of everyone involved."

Jawahar said banning 24-hour eateries could also result in job losses as such establishments employ a significant number of workers to cater to round-the-clock operations.

"Many people rely on restaurant

jobs for their livelihoods and a sudden reduction in operating hours could leave them unemployed."

He said group meetings, academic discussions and even political meetings take place in certain restaurants late at night, as they are deemed more suitable than during busy daytime hours.

University student Mohd Aiman Hakim Abdullah said banning 24-hour eateries would eliminate a vital space for students to gather and work on university assignments.

"For students who prefer to study late into the night or have schedules that don't align with traditional business hours, the early closure of these eateries could pose a major inconvenience."

Mohd Aiman Hakim said *mamak* restaurants also serve as a social hub for students to unwind and relax after a hectic week of classes.

"The tradition of gathering at *mamak* restaurants to study or chill out has become deeply ingrained in student culture."

"Beyond providing affordable meals, such restaurants serve as spaces to carry out academic work, have social interactions and relax, contributing significantly to the student experience."

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATIONAL

M'sia set to produce 28,000 medical specialists by 2030

Private-public university collaboration to feature research-intensive and technology-driven healthcare curriculum

BY SIVANISVARRY MORHAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Higher Education Minister Datuk Seri Zambry Abd Kadir said the ministry's goal of producing 28,000 medical specialists by 2030 is set to be achieved, thanks to a private-public partnership between Sunway University and Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

After inaugurating the Times Higher Education Asia Universities Summit 2024 at Sunway University, he said the collaboration would see the university leverage its innovative capacity with UKM's expertise to advance the Sunway University Medical Doctor programme.

"My ministry supports the programme and I applaud Sunway University and UKM for their groundbreaking partnership in establishing and delivering it.

"UKM stands as one of the top research universities in the country that offers globally recognised, world-class education, while the privately held Sunway University is

committed to delivering high-quality holistic education for all."

Zambry said the collaboration would produce more medical professionals and exemplify how public-private partnerships are crucial for innovation and progress, adding that Malaysia could become an international hub for higher education that fosters economic prosperity, social progress and peace.

"The ministry and its agencies have initiated efforts to increase the number of medical specialists in the country and ensure the delivery of healthcare services reaches an optimal level.

"Malaysia could play a pivotal role as a global education influencer and offer a better future for all through public-private collaborations such as this."

Sunway Group founder and chairman Tan Sri Sir Jeffrey Cheah, Sunway University president Prof Sibrandes Poppema and UKM vice-chancellor Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman also attended the event.

The programme will be launched during its September 2024 intake, upon receiving the necessary regulatory approvals.

Poppema endorsed the initiative and said the five-year collaboration will feature a research-intensive and technology-driven curriculum.

"It is aimed at developing future medical practitioners who are proficient in clinical care and innovations and can holistically address health challenges.

"Building upon our mutual dedication to excellence in service, our public-private

collaboration seeks to revolutionise the approach to training doctors in Malaysia."

He said the university has attracted over 26,000 students from 90 countries to its 880,000sq-ft campus and expressed hope that the tie-up with UKM would serve as a "fantastic platform for us to build something new and innovative for our students."

Cheah said the programme aims to cultivate forward-thinking medical practitioners who are capable of reshaping the Malaysian and regional medical education sphere.

"The healthcare sector needs to continuously progress and enhance its research initiatives to effectively tackle various challenges.

"In light of this, our collaboration will promote the comprehensive development of future medical professionals who are committed to serving humanity, saving lives and safeguarding the environment and planet."

Mohd Ekhwan said the collaboration would enable both institutions to support each other in serving the country and the people.

"Our collaboration highlights the value of combining public and private efforts for the benefit of all, such as our use of advanced simulation and innovation, infusing collective health medicine and the use of artificial intelligence."

He said UKM aspires to establish additional collaborations with Sunway University to expand its range of future courses.



Cheah (fourth from left) flanked by Poppema and Zambry and accompanied by Mohd Ekhwan (sixth from left) during the inauguration event at Sunway University in Bandar Sunway. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN